



dagangnews.com
Berita Bisnes Anda

Kerugian bersih MSM Malaysia pada 3QFY24 meningkat kepada RM49.7 juta kesan pengukuhan ringgit berbanding dolar AS

Oleh NOR AZAN FITRI AHMAD HIDZIR
azan@dagangnews.com

· 21 Nov 2024 06:31 PM



KUALA LUMPUR 21 Nov - MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM), pengeluar gula bertapis jenama Gula Prai, mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM49.7 juta pada suku ketiga berakhir 30 September 2024 (3QFY24) berbanding RM36 juta pada suku sama tahun sebelumnya.

Kumpulan itu berkata, kerugian itu disebabkan pengukuhan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS), mengakibatkan kerugian pertukaran asing dicatatkan pada suku tersebut.

Hasil untuk 3QFY24 bagaimanapun meningkat kepada RM861 juta, 7% lebih tinggi berbanding RM807 juta bagi suku yang sama tahun lepas. Bagi hasil 9MFY24 meningkat kepada RM2.6 bilion, meningkat 21% daripada RM2.14 bilion dalam tempoh yang sama tahun lepas.

"Peningkatan hasil bagi 9MFY24 adalah disebabkan jumlah jualan 7% lebih tinggi dan purata harga jualan (ASP) 14% lebih tinggi," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, pengukuhan jangka pendek ringgit berbanding dolar AS mengakibatkan terjemahan yang lebih rendah daripada hasil dolar AS ke dalam ringgit sebahagian besarnya daripada kontrak eksport kami.

Beliau berkata, melangkah ke hadapan, langkah-langkah baharu telah dilaksanakan untuk mengurangkan kesan yang serupa.

"Buat masa ini industri gula terus menerima insentif RM1/kg untuk Gula Butiran Kasar dan Gula Butiran Halus sejak November 2023, dengan MSM berhak mendapat 24,000 MT/bulan.

"Berbanding dengan kos pengeluaran sebenar, insentif RM1/kg hanyalah pulang modal untuk mengekalkan operasi industri gula. Penetapan harga gula tanpa insentif sekarang mewujudkan anomali serius dalam ekonomi seperti yang dijelaskan di Parlimen tahun lepas menapis kehilangan 88 sen/kg," katanya.

Beliau berkata, harga runcit gula di Malaysia sebanyak RM2.85/kg adalah terendah di rantau ini berbanding negara Asia yang lain.

Katanya, sebagai contoh, gula bertapis Indonesia dijual pada harga RM5.80/kg manakala Filipina sekitar RM9.00/kg.

"Kami percaya kerajaan akan mempertimbangkan dan menyediakan sokongan yang diperlukan untuk memuktamadkan mekanisme penetapan harga yang mampan untuk segmen runcit domestik dalam memastikan keselamatan makanan dan kemampanan jangka panjang industri.

"Melangkah ke hadapan, kami optimis dengan keputusan yang lebih baik pada suku keempat dan sepatutnya menamatkan tahun ini dengan prestasi tahun ke tahun yang lebih kukuh," katanya. - [DagangNews.com](https://www.dagangnews.com)

HEADLINE	Kerugian bersih MSM Malaysia pada 3QFY24 meningkatkan kepada RM49.7 juta kesan pengukuhan ringgit berbanding dolar AS
MEDIA	Dagang News - Online
DATE	21 November 2024, 6:31pm
BY	Nor Azan Firtri Bin Ahmad Hidzir
LINK	https://www.dagangnews.com/index.php/article/terkini/kerugian-be-rsih-msm-malaysia-pada-3qfy24-meningkat-kepada-rm497-juta-kesan-pengukuhan-ringgit-berbanding-dolar-45032